

## SOALAN NO : 38

- (ii) menyediakan perkhidmatan jalur lebar sehingga 4Mbps di bawah projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang memperuntukkan sejumlah 6,301 sambungan port di negeri Sarawak dan Sabah dengan menaik taraf 2 buah ibu sawat di negeri Sarawak dan 13 buah ibu sawat di negeri Sabah;
- (iii) melaksanakan Projek Menaik Taraf Liputan Jalur Lebar Mudah Alih 3G di bawah program Peluasan Liputan Perkhidmatan Selular melibatkan sebanyak 349 lokasi di negeri Sarawak dan 442 lokasi di negeri Sabah;
- (iv) pembinaan 392 buah menara komunikasi (203 baharu dan 189 dalam pembinaan) di negeri Sarawak dan 371 buah menara (212 baharu dan 159 dalam pembinaan) di negeri Sabah;
- (v) menyediakan capaian Internet secara kolektif kepada komuniti setempat melalui projek Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) iaitu sebanyak 95 buah PI1M telah dilaksanakan di negeri Sarawak dan 86 buah PI1M di negeri Sabah. Pada masa yang sama, sebanyak 29 dan 22 buah PI1M masih dalam peringkat pelaksanaan di negeri Sarawak dan Sabah masing-masing; dan
- (vi) menyediakan perkhidmatan streamyx sehingga mencecah kelajuan lapan *megabits per second* (8Mbps) serta UniFi sehingga seratus *megabits per second* (100Mbps).

Dengan terlaksanakannya kesemua projek-projek ini, capaian Internet jalur lebar dan liputan selular di Sarawak dan Sabah akan dapat dipertingkatkan seiring dengan negeri-negeri di Semenanjung demi kemudahan dan kesenangan rakyat.